

03 JUL 1998

MAHATHIR SAMPAI ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada majlis itu Perdana Menteri menyampaikan anugerah kepada penerima pergerakan gaji secara melintang.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang bagi kakitangan yang menerima pergerakan gaji secara menegak.

-- BERNAMA

RAZ RON